

Hima dan Pemuliharaan Alam Sekitar dalam Tamadun Islam: Satu Kajian Awal Berkaitan Keperluan dan Impaknya

**Mohd Takiyuddin Ibrahim¹, Ahmad Jamil Jaafar^{1*},
Huzaimah Ismail², Mohd Shahrudin Mohmud¹**

¹*Centre of Foundation Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia*

²*Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia*

***Corresponding Author**

mtaki986@uitm.edu.my, jamil_jaafar@uitm.edu.my*,
huzaimah@uitm.edu.my, mohds774@uitm.edu.my

Received: 30 October 2022

Accepted: 8 Mac 2023

Online First: 12 April 2023

ABSTRAK

Hima adalah satu konsep berkaitan sistem kawasan perlindungan Islam yang dihaskan oleh pihak berautoriti untuk melindungi tumbuhan dan haiwan. Hima telah diwujudkan sejak zaman Rasulullah SAW dan diteruskan dalam tamadun Islam seterusnya. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan berkenaan pemuliharaan alam sekitar melalui sistem hima dan amalannya dalam tamadun Islam serta kesannya pada masa kini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis bahan perpustakaan. Ia melibatkan pencarian bahan yang berkaitan dengan hima dan amalannya pada zaman Rasulullah SAW dan sepanjang pemerintahan kerajaan Islam serta hubungannya dengan pemuliharaan alam sekitar. Kewujudan hima dalam tamadun Islam membuktikan Islam amat mengambil berat tentang pemuliharaan alam sekitar. Ia bertujuan untuk menjaga kebajikan umat Islam dan mencegah kemudaratan yang melampau kepada alam sekitar. Hasil kajian mendapati hima memberi kesan positif kepada kehidupan haiwan dan tumbuh-tumbuhan serta mendatangkan kesan yang baik terhadap sistem sosio-ekonomi masyarakat setempat, khususnya golongan berpendapatan rendah untuk melabur dalam perlindungan sumber asli dan biodiversiti.

Kata kunci: Kebajikan, Pemuliharaan Alam, Perlindungan, Tamadun

Hima and Environmental Conservation in Islamic Civilization: A Preliminary Study of Its Need and Impact

ABSTRACT

Hima is a concept related to the system of Islamic protected areas reserved by the authorities to protect plants and animals. Hima has been created since the time of the Prophet SAW and continued in the next Islamic civilization. The objective of this study is to explain the conservation of the environment through the hima system and its practice in Islamic civilization as well as its effects in the present. This study uses a qualitative method by analyzing library materials. It involves searching for materials related to hima and its practice during the time of the Prophet SAW and throughout the reign of the Islamic kingdom as well as its relationship with environmental conservation. The existence of hima in Islamic civilization has proven that Islam is very concerned about environmental conservation. It is intended to protect the welfare of Muslims and prevent extreme harm to the environment. The results of the study found that hima has a positive effect on the life of animals and plants and has a positive effect on the socio-economic system of the local community, especially the low-income group to invest in the protection of natural resources and biodiversity.

Keywords: Civilization, Nature Conservation, Protection, Welfare

PENDAHULUAN

Perundangan Islam yang diestrak daripada keluhuran al-Quran dan al-Sunnah amat mementingkan kelestarian dan pemuliharaan alam sekitar. Ia memberi tumpuan kepada aspek kemakmuran bumi dan pemeliharaan sumber asli serta kekayaannya melalui prinsip *istikhlaf* yang merupakan arahan Ilahi kepada manusia untuk memikul peranan amanah dalam memelihara kepentingan awam dan kelestarian alam sekitar serta biodiversiti pada masa yang sama.

Prinsip *istikhlaf* yang merupakan tunjang kepada pembangunan dan kelestarian sifat kehidupan ekonomi dan sosial manusia adalah berdasarkan kepada Surah al-Baqarah ayat 30 yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.”

Bsoul et al. (2022) menyatakan berdasarkan panduan dan penegasan Islam dalam menghubungkan alam sekitar dan projek pembangunan, sejarah awal Islam telah menunjukkan bukti praktikal yang selari dengan bimbingan dan penegasan itu. Sebagai contoh, bandar-bandar tradisional Islam (seni bina dan perancangan Islam) dibina menggunakan sumber dan bahan mesra alam, membuktikan bahawa konsep kemampunan dan kelestarian menjadi asas kepada pembangunan ini.

Menurut Abdul Basir Muhammad (2018) *hima* atau tanah simpanan bukanlah suatu yang asing dalam Islam. Ia wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin lagi. Jika disoroti sejarah zaman sebelum Islam, konsep *hima* ini telah pun dibincangkan oleh para sejarawan, cuma pelaksanaannya berbeza dengan pengamalannya menurut Islam.

Menurut Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006) istilah *hima* berasal daripada bahasa Arab, iaitu *al-hima* yang bererti 'tempat menggembala yang dijaga atau sesuatu yang dijaga atau dikawal'. Akar kata *hima* daripada *hama-yahmi*, bererti menjaga atau memelihara (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006).

Al-Zuhaili (1989) menyatakan bahawa konsep *hima* telah pun wujud dalam undang-undang tanah Islam. *Hima* membawa maksud satu kawasan tanah yang digazetkan oleh pihak pemerintah untuk suatu tujuan tertentu bagi kepentingan dan maslahat masyarakat awam. Menurut al-Zuhaili (1989), elemen menjaga dan memelihara (*hama-yahmi*) dihubungkan dengan istilah *himayah* (pemeliharaan) dan *tahjir* (penentuan had sempadan).

Menurut sejarah, sistem *hima* ini telah pun wujud sebelum kedatangan Islam lagi. Ketika itu, apabila seorang ketua kabilah pergi ke suatu tempat yang subur di padang pasir, kawasan tersebut ditetapkan sebagai hak miliknya dengan ketentuan sejauh salakan anjing daripada atas bukit. Setelah ketentuan itu dibuat, binatang peliharaan orang lain tidak boleh lagi dipelihara di kawasan tersebut melainkan dengan keizinan ketua kabilah tersebut (Al-Zuhaili, 1989).

Definisi dan Jenis *Hima*

Menurut J. Chehod (1971) istilah "*hima*" (*hema* dalam beberapa rujukan) secara literal bermaksud "tempat yang dilindungi atau terlarang". Istilah ini digunakan di Semenanjung Arab sebelum Islam dengan merujuk kepada kawasan yang luas, dipenuhi tumbuh-tumbuhan, akses dan penggunaannya adalah dilarang oleh individu atau kumpulan yang telah mengisytiharkannya untuk pemilikan serta kegunaan sendiri. Kemudian, *hima* dirujuk sebagai rizab. Kadang kala

dirujuk sebagai padang rumput yang diasingkan untuk tujuan pertumbuhan semula (Bruce, 1999).

Menurut Lutfallah Gari (2006) kawasan di bawah perlindungan hima tidak boleh dibina atau digunakan sebagai komoditi perdagangan, dan tidak juga diusahakan untuk keuntungan kewangan. Ia boleh digambarkan sebagai penutupan kawasan tertentu untuk proses ragut dalam tempoh tertentu dan tempoh ini bermula ketika hujan yang pertama, pada musim hujan atau musim sejuk, dan berterusan ke musim kemarau untuk memberi masa yang mencukupi kepada rumput, tumbuhan herba, pokok renek dan pokok bertumbuh dan menghasilkan benih bagi pertumbuhan seterusnya. Sistem ini menetapkan suatu kawasan sebagai rizab ragut untuk kegunaan terhad oleh komuniti kampung, puak atau suku sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan padang ragut (A. A. Alabsi, 2002).

Kajian terdahulu berkaitan *hima* menunjukkan bahawa jenis berikut telah wujud sejak zaman dahulu di Tanah Arab:

1. Aktiviti ragut dilarang dan pemotongan dibenarkan dalam tempoh tertentu. Jenis ini diamalkan ketika tumbuhan telah mencapai kepada ketinggian pertumbuhan tertentu selepas berbunga dan berbuah. Dahan pokok yang dipotong dibawa keluar dari *hima* untuk dijadikan makanan kepada haiwan ternakan. Majlis suku membuat penentuan berkenaan bilangan ahli daripada setiap keluarga yang dibenarkan untuk melakukan pemotongan. Laluan tertentu ditetapkan kepada pekerja untuk mengelakkan kemusnahan kesuburan tanah. Sebilangan hari dikhususkan untuk lelaki, manakala sebilangan hari lain ditetapkan untuk wanita (Omar Draz, 1976).
2. Aktiviti ragut dan pemotongan dibenarkan hanya selepas bunga dan buah dihasilkan. Ini membolehkan pembenihan semula jadi tanah untuk tahun dan musim berikutnya.
3. Aktiviti ragut dibenarkan sepanjang tahun dengan bilangan dan jenis haiwan yang ditetapkan. Tiada sebarang larangan bagi aktiviti pemotongan rumput.
4. Rizab untuk pemeliharaan lebah. Aktiviti ragut hanya dibenarkan selepas musim tumbuhan berbunga. Rizab ini ditutup selama lima bulan dalam setahun termasuk musim bunga.
5. Rizab untuk pokok hutan seperti *Juniperus Procera*, *Acacias* dan *Haloxlon Persicum*. Aktiviti pemotongan hanya dibenarkan untuk kecemasan besar atau keperluan akut (S. Nomanul-Haq, 2003).
6. Rizab kawasan hutan untuk menghalang pencerobohan beting pasir atau ketandusan kawasan (Omar Draz, 1976).

Hima Dalam Islam

Al-Mawardi (1960) menyatakan bahawa konsep dan amalan *hima* dalam zaman jahiliah berbeza sepertimana yang diamalkan oleh undang-undang Islam. *Hima* dalam zaman jahiliah adalah khusus untuk orang-orang tertentu sahaja. Pada kebiasaannya sistem ini dijalankan oleh golongan yang berkuasa dan berpengaruh dalam masyarakat untuk kepentingan diri sendiri. Apabila golongan yang berkuasa menentukan suatu kawasan sebagai kawasan *hima* untuk kepentingannya, maka dia boleh berbuat apa sahaja di atas tanah tersebut tanpa mengira kepentingan masyarakat awam. Malah tanpa menghiraukan sama ada pelaksanaan *hima* itu membawa mudarat atau sebaliknya kepada umum (Al-Mawardi, 1960).

Al-Zuhaili (1989) menjelaskan bahawa dengan kedatangan Islam, *hima* yang telah dipraktikkan oleh kabilah Arab ketika itu telah diperbetulkan. Amalan *hima* dengan bentuk sebelum ini dilarang oleh Rasulullah SAW dengan alasan boleh menyempitkan dan mengecilkan kawasan kemudahan masyarakat awam. Di samping itu, ahli masyarakat awam dilarang daripada mengambil sesuatu di atas tanah *hima* sebagai hak milik individu. Ini adalah kerana *hima* merupakan hak milik masyarakat awam secara bersama (Al-Zuhaili, 1989). Pada zaman awal Islam, *hima* ini digazetkan untuk tujuan penempatan kuda milik kerajaan atau milik golongan fakir dan miskin. Ini menunjukkan bahawa *hima* sudahpun wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin (Abdul Basir Mohamad, 2018).

Konsep dan amalan *hima* yang diamalkan oleh masyarakat jahiliah ini telah dihapuskan oleh Rasulullah SAW melalui sabda Baginda SAW yang bermaksud:

“Tiada hima dibenarkan kecuali untuk Allah dan RasulNya”
(Sunan Abi Dawud, 1950; Al-Syaukani, 1973; Al-Zuhaili, 1989).

Hadis di atas secara umumnya membawa maksud bahawa sesuatu kawasan tanah awam itu tidak boleh diambil oleh seseorang untuk dijadikan milik persendirian. Tanah milik awam untuk sesuatu kepentingan negara hendaklah digazet dan diwartakan sebagai hak milik awam. Hal ini bagi menjamin sesuatu kawasan penting itu terpelihara dan dilindungi alam sekitarnya di samping menjamin keseimbangan dan keharmonian kehidupan manusia dan habitat lain. Inilah keperluan sesuatu kawasan itu digazetkan sebagai kawasan awam seperti kawasan taman permainan, kawasan hutan simpan, taman haiwan, kawasan tadahan air, padang ragut dan sebagainya yang dikawal selia oleh pihak berkuasa negara demi keseimbangan pembangunan

supaya ia tidak dicerobohi dan dirosakkan oleh pihak tertentu (Abdul Basir Mohamad, 2018).

Merujuk kepada hadis di atas, ibn Qudamah (t.th.) menyatakan bahawa walaupun dalam hadis itu diberikan kebenaran untuk Rasulullah SAW merizabkan sesuatu tanah untuk diri baginda, tetapi baginda tidak berbuat sedemikian, malah dirizabkan tanah untuk kemanfaatan seluruh ahli masyarakat. Inilah juga yang dihuraikan oleh al-Shafie (1993) berkaitan dengan hadis di atas, iaitu sesuatu kawasan tanah itu tidak boleh dirizabkan kecuali mengikut dasar yang telah dibuat oleh Rasulullah SAW. Baginda telah merizabkan tanah untuk faedah kaum Muslimin dan masyarakat awam dan bukan untuk diri sendiri (Al-Shafie, 1993).

Hadis di atas jelas melarang amalan *hima* sepertimana yang diamalkan oleh masyarakat jahiliah. Dalam Islam, jika *hima* hendak dilakukan, ia semestinya dilakukan untuk kepentingan masyarakat awam seluruhnya. Itulah yang dimaksudkan *hima* untuk Allah dan Rasul-Nya (Al-Mawardi, 1960; Al-Ramli, 1992).

Di samping itu, Islam sangat menggalakkan pembangunan dan perkembangan sesuatu kawasan yang berpotensi daripada dibiarkan tanpa sebarang kemajuan. Perbincangan pembangunan tanah terbiar dalam undang-undang tanah Islam dibincangkan dalam tajuk '*ihya' al-mawat'*, iaitu memajukan tanah terbiar (Abdul Basir Mohamad, 2018). Dalam perkara ini, Islam melarang sekiranya *hima* digazetkan bagi tujuan menghalang satu-satu kawasan daripada dimajukan atau diambil manfaat oleh masyarakat awam seperti untuk mendapatkan rumput dan air (Al-Zuhaili, 1989).

Merujuk kepada sejarah awal Islam menunjukkan bahawa amalan *hima* ini dilaksanakan oleh baginda Rasulullah SAW sendiri. Dirwayatkan bahawa Rasulullah SAW merizabkan sebidang tanah seluas enam batu persegi di Kota Madinah termasuk sebuah bukit di Baqi' untuk tujuan kemanfaatan bagi golongan Ansar dan Muhajirin (Al-Mawardi, 1960). Selain itu, dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA bahawa Nabi Muhammad SAW telah merizabkan sebidang tanah di Naqi' (jaraknya lebih kurang 8 batu dari Madinah) untuk kegunaan penempatan kuda orang-orang Islam (Al-Zuhaili, 1989; Abu Daud, 1950).

Praktis *hima* ini juga diteruskan oleh para Khulafa' al-Rasyidin. Sebagai contoh semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar RA, beliau merizabkan sebidang tanah di satu kawasan yang bernama al-Rabdhah; satu kawasan di antara Mekah dan Madinah (Al-Zuhaili, 1989; Al-Mawardi, 1960). Kawasan itu telah dibangunkan untuk penanaman pokok kurma dan sebagai tempat untuk

memberi haiwan makan. Kawasan tersebut dikhususkan hanya untuk kegunaan orang yang memerlukan dan golongan miskin sahaja (Zahratul Idami et al, 2022). Begitu juga dalam zaman Khalifah Umar RA, beliau merizabkan sebidang tanah untuk kegunaan orang-orang miskin di satu tempat yang bernama Sharaf (satu kawasan berdekatan dengan Mekah) (Al-Zuhaili, 1989; Al-Mawardi, 1960).

Keperluan dan Impak *Hima*

Konsep dan amalan *hima* ini amat dianjurkan oleh Islam tetapi dengan ciri dan fungsi yang ditambahbaik. Bagi memastikan amalan ini menjadi sah dan diperakukan dalam Islam, ia perlu memenuhi empat syarat, iaitu sebagaimana yang menjadi amalan Nabi Muhammad SAW dan khalifah terdahulu (S. Nomanul-Haq, 2003):

1. Perlu dibentuk oleh pihak berkuasa Islam yang sah
2. Perlu ditetapkan untuk jalan Allah SWT; iaitu untuk tujuan yang berkaitan dengan kebajikan awam.
3. Kawasan yang akan diisytiharkan sebagai *hima* tidak seharusnya begitu besar sehingga menyebabkan kesusahan yang tidak wajar kepada penduduk tempatan, dan ia tidak seharusnya menghalang mereka daripada sumber yang sangat diperlukan.
4. Perlu memberi manfaat sebenar yang lebih besar kepada masyarakat berbanding kemudaran. Matlamat utama *hima* ialah manfaat dari aspek ekonomi dan alam sekitar kepada awam.

Abdul Basir Mohamad (2018) menyatakan bahawa pelaksanaan *hima* seperti yang dinyatakan telah pun dilakukan di Malaysia iaitu sesuatu kawasan itu digazetkan sebagai hutan simpan kekal, tanah rizab awam, rizab orang asli, hutan lipur untuk rekreasi, hutan taman negara dan hutan taman negeri-negeri. Perkara ini kita dapat lihat di seluruh negara, iaitu terdapat taman-taman rekreasi dan hutan lipur untuk kemudahan dan kegunaan masyarakat awam. Antara taman terbesar ialah Taman Negara yang terletak di negeri Pahang. Semua ini merupakan penerusan sistem *hima* yang telah diperkenalkan oleh Islam pada suatu waktu dahulu yang bertujuan untuk pemeliharaan keseimbangan dan ekosistem semula jadi alam sekitar (Abdul Basir Mohamad, 2018).

Di samping itu, bagi tujuan penguatkuasaan sama ada secara langsung atau tidak langsung supaya sesuatu kawasan itu sentiasa terpelihara daripada sebarang pencemaran alam sekitar, parlimen telah meluluskan beberapa statut bagi tujuan tersebut. Antaranya adalah seperti berikut (Abdul Basir Mohamad, 2018):

1. Akta Perhutanan Negara 1984.
2. Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.
3. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.
4. Akta Perikanan 1985.
5. Akta Taman Negara 1980.
6. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
7. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
8. Akta Pemeliharaan Babi 1984.
9. Akta Perlombongan Petroleum 1972.
10. Akta Air 1920.
11. Akta Pemuliharaan Tanah 1960
12. Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993.

Khalilah Hassan et al. (2015) menyatakan bahawa *hima* telah dihidupkan semula dan diamalkan di seluruh Asia dan Afrika, dengan menggunakan nama yang berbeza mengikut tempat. Hakikatnya, pengurusan sumber semulajadi tradisional seumpama *hima* telah dilaporkan di luar Semenanjung Arab, contohnya, di Kenya, India Utara, Nigeria dan Indonesia (Walid Saleh et al., 2012). Sistem *hima* boleh berbeza dari satu negara ke negara lain, dan juga boleh berbeza dari satu kawasan ke kawasan yang lain walaupun dalam negara yang sama (Hurrell, 2012) di mana ia menjadi satu pendekatan untuk memastikan kesejahteraan bersama dan kelestarian ekosistem (Klos, 2015).

Menurut Widad Fadhullah (2014) sistem *hima* ini juga telah dihidupkan semula oleh negara-negara lain demi untuk kelestarian alam sekitar. Sebagai contoh, Arab Saudi yang telah mengenal pasti beberapa lokasi bagi tujuan eko pelancongan dan kawasan rekreasi. Usaha ini telah dilaksanakan dengan kerjasama World Wildlife Fund for Nature. Di Lebanon, *hima* dilaksanakan oleh *Society for the Protection of Nature* bagi tujuan eko pelancongan dan penjagaan alam sekitar. Antara aktiviti yang dilakukan ialah penternakan lebah di samping pemerhatian burung dan pendakian tanah tinggi bagi menggantikan aktiviti perburuan (Widad Fadhullah, 2014).

Khalilah Hassan et al. (2015) menyatakan kestabilan ekosistem merupakan salah satu fungsi ekologi *hima*, di mana beting pasir dilindungi di *Hima* al-Ghada melalui pemuliharaan tanah untuk pepohon renek *Haloxylon persicum* dan perlindungan terumbu karang di Pulau Misali, Zanzibar. Fungsi ekologi untuk menyediakan habitat bagi biodiversiti juga telah menjadi salah satu keutamaan *hima* di mana sepuluh *hima* menjadi rumah burung (*Hima* Quraisy, Ebel es Saqi, Kfarzabad), *ibex* iaitu sejenis kambing liar (Jabal Ral), penyu *loggerhead* dan penyu hijau (Qolleileh) pelbagai spesies ikan, monyet vervet, musang Pemba, penyu hijau dan penyu sisik (Pulau Misali, Zanzibar),

seladang dan primat (Rizab Hidupan Liar Kalumba), rafflesia dan orang utan (Suaka Hidupan Liar Entimau, Taman Negara Batang Ai) dan haiwan lain (*Hima* al Naqi).

Menurut Abdul Basir Mohamad (2018) dengan diwujudkan kawasan hutan simpan sebegini, terutamanya hutan lipur, masyarakat awam dapat memperoleh dan mempelajari beberapa manfaat dan faedah, antara lain:

1. Dapat menghayati sejauh mana kepentingan pengekalan alam semula jadi.
2. Dapat menikmati kemudahan istirahat, perkelahan dan riadah di samping menikmati keindahan semula jadi.
3. Dapat menjalani latihan, pembelajaran dan penyelidikan mengenai alam semula jadi.
4. Dapat mengurangkan tekanan fizikal dan emosi ekoran kesibukan kerja harian.
5. Dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk sekitar hasil kunjungan pelancong ke kawasan hutan lipur sebagai salah satu destinasi pelancongan.

Abdul Basir Mohamad (2018) menyatakan bahawa apabila sesuatu kawasan itu digazetkan sebagai *hima*, maka orang ramai dilarang melakukan aktiviti perburuan, penebangan pokok, pembakaran hutan, pemindahan kayu kayan, pembalakan dan pemusnahan pokok-pokok.

Daripada beberapa contoh *hima* atau amalan merizabkan suatu kawasan tanah untuk kegunaan awam yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan para Khulafa' al-Rasyidin menunjukkan dalam syariat Islam terdapat suatu sistem pemeliharaan dan pengawalan alam sekitar untuk tujuan faedah dan maslahat masyarakat awam (Abdul Basir Mohamad, 2018).

Kawasan *hima* yang banyak diwujudkan di sekitar Tanah Arab dengan penanaman rumput juga telah diiktiraf oleh Organisasi Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) sebagai contoh paling unggul dan terbesar dalam pengurusan padang rumput berhemat di dunia (Muta Ali Arauf, 2021).

Masa Depan dan Potensi *Hima*

Dalam membangun dan mengaplikasikan semula konsep *hima* ini, amalan dan pelaksanaan di lapangan amatlah penting dan kritikal. Proses ini diperlukan dalam mendapatkan idea, cadangan dasar, pelan pelaksanaan dan

nasihat berkaitan sistem ini. Sebagaimana dinyatakan, *hima* boleh digunakan dalam mensintesis keperluan untuk pemuliharaan flora dan fauna. Pengurusan hutan untuk kepentingan awam juga boleh dibangunkan. Terdapat beberapa kelebihan penting untuk masa depan *hima*, termasuklah pengurusan pelbagai guna, kelestarian ekologi, daya maju dan penerimaan ekonomi, dan komuniti tempatan. *Hima* merupakan satu sistem yang perlu diaplikasi demi kesejahteraan alam sekitar dan segala tindakan penguatkuasaan melalui statut pada masa kini adalah sangat bertepatan dengan kehendak Islam demi mencegah sebarang bentuk pencemaran alam sekitar (Abdul Basir Mohamad, 2018).

Praktis *hima* pada zaman awal Islam lebih tertumpu kepada merizabkan satu kawasan bagi ternakan haiwan. Namun begitu, pada masa ini, *hima* boleh diwujudkan demi kepentingan masyarakat awam dan pemeliharaan alam persekitaran. Sebagai contoh, *hima* diwujudkan sebagai kawasan tadahan hujan, kawasan empangan, taman negara, hutan domestik, hutan ameniti, hutan simpan hidupan liar, hutan simpan dara, hutan lipur, hutan perlindungan dan pemeliharaan tumbuhan tertentu.

Menurut Zahratul Idami et al. (2022) di Aceh, terdapat beberapa institusi yang berfungsi seperti *hima* dan menjalankan tanggungjawab terhadap perlindungan alam sekitar, seperti institusi Panglima Laot, yang melindungi lautan daripada penangkapan ikan secara haram dan memastikan kelestarian kawasan pantai. Selain itu, institusi di Aceh yang dinamakan Keujruen Blang untuk memelihara alam sekitar sawah dan pengairan, Pawang Uteun yang bertanggungjawab melindungi dan mengatur persekitaran hutan dan Wase Glee yang mempunyai autoriti untuk memantau aktiviti manusia di hutan, seperti berburu dan sebagainya.

Perspektif Syariah mengenai penjagaan alam sekitar ini adalah sejajar dengan inisiatif global untuk melindungi alam sekitar, sebagaimana yang digariskan oleh Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation Sustainable Development Goals [UN SDG]). Sebagai contoh, konsep *hima* yang menekankan perlindungan kawasan hijau adalah selaras dengan SDG 15 yang memerlukan perlindungan hidupan di darat melalui pengurangan kehilangan hutan dan degradasi berterusan tanah kering (Norita Mohd Nasir et al., 2022).

KESIMPULAN

Islam menjelaskan bahawa keseimbangan alam telah ditetapkan oleh Allah SWT dan ketetapan ini merangkumi perlindungan terhadap setiap bentuk kehidupan. Manusia perlu bertindak sebagai penjaga kepada kesemua aset ini

dan menghormati setiap bentuk kehidupan di alam ini. Manusia perlu bertanggungjawab dalam menjaga keharmonian alam kerana manusia akan dipertanggungjawabkan terhadap peranan memelihara ekosistem dan alam sekitar. Berdasarkan kepada kupasan berkaitan hima, dapatlah disimpulkan bahawa Islam sangat menitikberatkan penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar. Hal ini tergambar dengan jelas melalui amalan hima yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para Khulafa' al-Rasyidin. Rasulullah SAW melarang sesuatu pihak menguasai dan memonopoli sesuatu kawasan tanah, kerana tindakan tersebut menafikan kepentingan masyarakat, di samping boleh mengakibatkan ketidakseimbangan ekosistem semulajadi alam sekitar. Islam melarang sebarang aktiviti dan kegiatan yang boleh menyebabkan pencemaran dan kerosakan alam sekitar demi memelihara kesejahteraan manusia dan hidupan lain. Ikhtisarnya, hima bukan sahaja meletakkan kepentingan yang tinggi untuk haiwan ragut yang memberikan manfaat langsung yang jelas kepada manusia tetapi juga menekankan perlindungan biodiversiti yang mampan dan lestari. Kesemua fakta ini memberikan pemahaman bahawa Islam sejak zaman Nabi Muhammad SAW telah dan sentiasa memandang alam sekitar sebagai salah satu tunjangan penting kepada seluruh kehidupan manusia dan hidupan lain di alam ini.

PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penerbitan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang kepentingan peribadi mahupun kewangan yang terlibat dalam penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Pengarang 1 dan Pengarang Bersama 1 mereka bentuk kajian dan mengumpulkan literatur. Pengarang Bersama 1, Pengarang Bersama 2 dan Pengarang Bersama 3 menganalisis keputusan dan menulis artikel.

RUJUKAN

- A. A. Alabsi. (2002). Country Pasture/Forage Resource Profiles: Yemen. Rome: Grassland and Pasture Crops Group.
- Abdul Basir Mohamad. (2018). Konsep Hima Dalam Islam Dan Hubungannya Dengan Pemeliharaan Alam Sekitar. *Asian Journal of Environment*,

History and Heritage, Vol. 2, Issue. 1, , 59-65.

- Abu Daud, S. b.-A.-S.-A. (1950). *Sunan Abi Dawud*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah.
- Al-Marbawi, M. I.-R. (1931). *Qamus al-Marbawi*. Kaherah: Matba'ah al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Al-Mawardi, A. a.-H.-B.-B. (1960). *al-Ahkam al-al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Al-Ramli, S. a.-D.-A.-D. (1992). *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj fi al-Fiqh 'ala Mazhab al-Imam al-Shafie*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arab.
- Al-Shafie, A. A. (1993). *al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syaukani, M. b. (1973). *Nail al-Awtar min Ahadith Sayyid al-Akhyar Syarh Muntaqa al-Akhbar*. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Zuhaili, W. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Bruce, J. W. (1999). Legal Bases for the Management of Forest Resources as Common Property. *Community Forestry Note 14*. Rome: Food and Agriculture Organization of the United Nations.
- Bsoul, L. A. (2022). Islam's Perspective on Environmental Sustainability: A Conceptual Analysis. *Social Sciences 11*: 228, 1-11. doi:<https://doi.org/10.3390/>
- Gari, L. (2006). A History of the Hima Conservation System. *Environment and Society Portal 12, no. 2*.
- Hurrell, S. (2012). *The Power of a Local Tradition: Hima*.
- Ibn Qudamah, M. a.-D. (t.th.). *al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- J. Chehod. (1971). *Encyclopaedia of Islam*.
- Khalilah Hassan, Siti Syamimi Omar & Izrahayu Che Hashim. (2015). Hima As a Model For Neighbourhood Open Space Planning. *1st International Islamic Heritage Conference* (pp. 290-299). Melaka: ACIS Melaka.
- Klos, S. (2015). *The Concept of Al-Hima - Sustainable Land Use in the WANA Region*.
- Muta Ali Arauf. (2021). Ecological View From The Perspective of Quranic Verses: Contesting the Idea of Religion and Environment. *International Journal of Social Science and Religion (IJSSR), Volume 1, Issue 2*, 105-116.
- Omar Draz. (1976). The Hemā in the Arabian Peninsula. *al-Arabī (Kuwait)*.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nomanul-Haq. (2003). Islam and Ecology: Toward Retrieval and Reconstruction. In R. C. Foltz et al., *Islam and Ecology* (pp. 121-54). Massachusetts: Harvard University Press.
- Widad Fadhullah. (2014). Hima Satu Pendekatan Terhadap Kelestarian Alam

Sekitar. *Prosiding Seminar Penyelidikan Kelestarian*, (pp. 192-198).
Zahratul Idami, Israr Hirdayadi, Qudwatin Nisak M Isa & Alfi Rahman,. (2022).
Environmental Management Based on Islamic Sharia and Customary
Law in Aceh. *Fiat Justisia: Jurnal Ilmu Hukum*, 253-268.